

## *Maqasid Al-Syariah* dan Hubungkaitannya dengan Hak Kebebasan Beragama Di Malaysia

### *Maqasid Al-Syariah and its Relation with Freedom of Religion in Malaysia*

Ahmad Syauqi Abdullah\*, Nisar Mohammad Ahmad

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

\*Corresponding author: [syauqiabdullah@randah.usim.edu](mailto:syauqiabdullah@randah.usim.edu)

#### Article history

Received: 2022-06-24 Received in revised form: 2022-10-16 Accepted: 2022-10-17 Published online: 2023-06-30

#### Abstract

Malaysia is a country of various races and religions under the same supreme law, the Federal Constitution. Even so, the Federal Constitution has set out several provisions that give privileges to the Malays and Muslims. Article 11 provides for the right to freedom of religion for every citizen, but this right is not absolute for Muslims as it restricts the spread of non-Muslim religions among Muslims. This clearly shows that the right to freedom of religion in the Federal Constitution is in line with the principles of *Maqasid Al-Syariah*, which is to preserve religion. Thus, the objective of this study is to analyze the extent to which the provision of the right to freedom of religion in the Federal Constitution meets the principles of *Maqasid Al-Syariah*. This study is a qualitative study that uses the library method followed by content analysis. The findings of this study have proven that there is a relationship between *Maqasid Al-Syariah* and the right to freedom of religion in the Federal Constitution thereby enhance the community's understanding of the interpretation of the right to freedom of religion and its relationship with *Maqasid Al-Syariah*.

**Keywords:** Freedom of Religion, *Maqasid Al-Syariah*, Federal Constitution.

#### Abstrak

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat pelbagai bangsa dan agama yang bernaung di bawah undang-undang tertinggi yang sama iaitu Perlembagaan Persekutuan. Walaupun begitu, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan beberapa perkara yang memberikan keistimewaan kepada bangsa Melayu dan penganut Islam. Sebagai contoh, Perkara 11 memperuntukkan hak kebebasan beragama terhadap setiap warganegara akan tetapi peruntukan ini tidak mutlak kepada penganut agama Islam yang mana ianya menyekat penyebaran agama bukan Islam dalam kalangan umat Islam. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa hak kebebasan agama dalam Perlembagaan Persekutuan mengandungi salah satu prinsip *Maqasid Al-Syariah* iaitu memelihara agama. Justeru, objektif kajian ini ialah untuk menganalisis sejauh mana peruntukan hak kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan memenuhi prinsip-prinsip *Maqasid Al-Syariah*. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan diikuti dengan analisis kandungan. Dapatan kajian ini telah membuktikan terdapat perkaitan antara *Maqasid Al-Syariah* dengan hak kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan sekaligus meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap interpretasi hak kebebasan agama dan perkaitannya dengan *Maqasid Al-Syariah*.

**Keywords:** Kebebasan Beragama, *Maqasid Al-Syariah*, Perlembagaan Persekutuan.

## 1.0 PENDAHULUAN

*Maqasid Al-Syariah* ialah objektif atau tujuan yang dikehendaki oleh Allah SWT dalam setiap hukum yang telah disyariatkan. Tujuan-tujuan yang disyariatkan itu adalah untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku dalam kehidupan manusia. Ia memberikan kebaikan kepada manusia dan menghindari kejahatan dalam kehidupan mereka. Hal ini kerana, *Maqasid Al-Syariah* itu sendiri memberi maksud menghasilkan kebaikan (*jalbu al-maslahah*) dan menolak segala keburukan (*dar'u al-mafsadah*) (Al-Raysuniy, 1995). Hak kebebasan beragama pula ialah antara hak asasi yang fundamental yang setiap orang berhak kepadanya. Di Malaysia, hak ini telah dinyatakan di dalam Bahagian II (Kebebasan Asasi) Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11 telah memperuntukkan tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal (4). Berdasarkan kepada peruntukan ini, secara umumnya ia dapat difahami bahawa setiap warga Malaysia dibenarkan untuk menganuti dan mengamalkan apa-apa agama akan tetapi tiada agama selain Islam yang boleh disebarkan kepada penganut yang beragama Islam.

Secara umumnya, maksud kebebasan beragama ini berbeza-beza dalam sesebuah negara kerana ia bergantung kepada sejarah dan sifat negara itu sendiri (Aziz Bari, 2001). Di Malaysia, mengambil kira populasinya yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan agama, konsep hak kebebasan beragama ini adalah sangat penting dan perlu difahami dengan jelas agar setiap rakyat dapat hidup bersama secara aman (*peaceful co-existence*) tanpa sebarang perbalahan antara masyarakat.

Hak kebebasan beragama dalam perlembagaan mempunyai keserasian dan kaitan yang rapat dengan prinsip *Maqasid Al-Syariah*. *Maqasid Al-Syariah* menjamin lima kepentingan manusia sejagat manakala perlembagaan pula adalah undang-undang tertinggi negara yang termaktub di dalamnya segala perundangan dan hak-hak yang menjamin kesejahteraan rakyat. Jelas menunjukkan di sini perlembagaan dan *Maqasid Al-Syariah* mempunyai tujuan yang sama iaitu menjaga kepentingan masyarakat. Walaupun ada yang menganggap hak kebebasan beragama itu seolah-olah mempunyai unsur pluralisme atau fahaman yang menganggap semua agama adalah sama, akan tetapi wujud beberapa limitasi terhadap penganut agama Islam. Sebagai contoh, penganut agama Islam tidak dibenarkan sewenang-wenangnya untuk keluar daripada agama Islam. Hal ini bertepatan dengan prinsip pertama *Maqasid Al-Syariah* iaitu memelihara agama.

Di Malaysia, isu-isu berkaitan hak kebebasan agama dan limitasi yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan sering meniti di dada-dada akhbar dan juga laman-laman sesawang sosial. Antara kes yang pernah masyhur pada zaman dahulu adalah Lina Joy atau nama Islamnya Azlina Jailani, telah beberapa kali memohon dan mencabar di mahkamah-mahkamah termasuk Mahkamah Syariah untuk mengisytiharkan yang beliau tidak lagi beragama Islam. Juga antara kes yang pernah terkenal di Malaysia ialah Aisyah Bokhari, seorang wanita yang mempunyai pendidikan tertinggi hingga ke Universiti Al-Azhar dan anak kepada seorang imam, telah mengejutkan orang ramai apabila tersebarnya berita permohonan murtad daripadanya. Penulis percaya, isu-isu kebebasan beragama dan murtad masih lagi berlaku sehingga saat ini. Kebebasan beragama yang telah diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan perlu difahami dengan lebih mendalam supaya interpretasi dan aplikasi yang tepat dapat digarap. Hakikatnya, perkara yang perlu diketahui dan dipersetujui umum ialah kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan bukanlah suatu hak yang mutlak lebih-lebih lagi kepada orang yang menganut agama Islam.

Justeru, kajian ini akan menerangkan konsep *Maqasid Al-Syariah* dari segi definisi, dalil-dalil dan pembahagiannya. Selain itu, kajian ini juga akan melihat konsep kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan secara umum. Seterusnya, kajian ini akan menganalisa persamaan dan

hubungkait antara kedua-dua konsep ini bagi membuktikan kedua-duanya tidak bercanggah antara satu sama lain.

## **2.0 DEFINISI MAQASID AL-SYARIAH**

Secara umumnya, *maqasid* merupakan kata jamak kepada *maqad* yang datang daripada perkataan *qasada* yang bermaksud mendapatkan sesuatu (Mahaiyadin, 2017). Maksud lain bagi perkataan ini ialah pegangan, punca, sasaran, kelurusan, keadilan dan kesejahteraan. Perkataan syariah pula berasal daripada perkataan syara'a yang merujuk kepada beberapa perkataan lain yang membawa maksud yang hampir sama seperti al-tariq al mustaqim, al-sunnah, al-manhaj, al-'adah, al-din, al-millah dan al-ma' (Badran, t.t). Berdasarkan tafsiran ini, dapat difahami bahawa pada dasarnya kedua-dua perkataan ini mempunyai kaitan rapat dari segi fungsi sebagai panduan dan jalan menuju kepada sesuatu matlamat.

Maka, daripada kedua-dua perkataan tersebut terhasillah konsep *Maqasid Al-Syariah* yang dibincang dan diaplikasikan secara meluas termasuk dalam perbincangan ilmu dan hukum-hakam. Terdapat pelbagai definisi yang dikemukakan oleh para ulama untuk menjelaskan konsep ini. Antaranya, Ibnu Asyur (2001) berpendapat *Maqasid Al-Syariah* ialah makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil perhatian oleh Allah dalam segenap atau sebahagian besar pensyariatan, di mana pertimbangan tersebut tidak terbatas dalam keadaan tertentu dari hukum syariat. Seterusnya konsep ini juga bermaksud tujuan daripada pensyariatan dan rahsia-rahsia yang ditetapkan oleh Allah SWT Yang Maha Bijaksana pada setiap hukum-hukumnya (Ala' al-Fasi, 2007). Menurut Al-'Alim (1997) *Maqasid Al-Syariah* ialah kebaikan yang diperolehi para hamba sama ada dengan cara melakukan perkara kebaikan atau meninggalkan perkara kejahatan. Selain itu, menurut al-Qaradawiy (2000) dan al-Ghazali (1996), *Maqasid Al-Syariah* adalah tujuan pensyariatan hukum untuk membolehkan manusia mengesapi kebaikan dan menolak kemungkaran.

Berdasarkan pengertian di atas, dapat disimpulkan bahawa *Maqasid Al-Syariah* ialah objektif atau tujuan yang dikehendaki oleh Allah SWT dalam setiap hukum yang telah disyariatkan yang mana intipati daripada tujuan pensyariatan tersebut adalah untuk merealisasikan kemaslahatan dan menghilangkan kemudaratan bagi manusia. Tujuan-tujuan yang disyariatkan itu adalah untuk menyelesaikan masalah yang berlaku dalam kehidupan manusia (Ahmad, 2020). Menurut al-Raysuniy (1995) maksud *Maqasid Al-Syariah* itu sendiri ialah menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan.

## **3.0 DALIL MAQASID AL-SYARIAH**

Seterusnya, Allah SWT telah menurunkan dalil-dalil di dalam al-Quran yang menunjukkan bahawa *Maqasid Al-Syariah* itu mempunyai tujuan dan matlamat.

Di dalam al-Quran banyak sekali disebutkan bahawa tujuan diutuskan Rasul adalah sebagai rahmat bagi manusia. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Anbiya' ayat 107:

﴿۱۰۷﴾ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

*Terjemahan: Dan tiadalah kami mengutuskan kamu, (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi semesta alam.*

Kemudian Allah SWT berfirman di dalam Surah Yunus ayat 57:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

﴿٥٧﴾

*Terjemahan: Wabai manusia, Sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran dari tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit-penyakit (yang berada) dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman.*

Seterusnya, Allah SWT berfirman di dalam Surah al-Jathiyah ayat 20:

هَٰذَا بَصَائِرٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٢٠﴾

*Terjemahan: Al-Quran ini adalah pedoman bagi manusia, petunjuk dan rahmat bagi kaum yang menyakini.*

Berdasarkan kepada ayat-ayat ini, dapatlah difahami bahawa tujuan Allah SWT mengutuskan Rasul adalah untuk memberi rahmat kepada manusia. Al-Quran pula diturunkan sebagai pedoman bagi manusia, petunjuk dan rahmat yang membawa kebaikan dan menolak kemungkaran.

#### 4.0 PEMBAHAGIAN MAQASID AL-SYARIAH

*Maqasid Al-Syariah* ialah matlamat yang ingin dicapai oleh syarak melalui pensyariaan hukum. Ulama' terdahulu telah membahagikan *Maqasid Al-Syariah* kepada tiga bahagian (Talib, 2010). Pembahagian ini berasaskan kepada *ijtihad* mereka melalui penelitian yang mendalam terhadap dalil-dalil syarak (Ibn Ashur, 2001). Tambahan lagi, menurut Talib (2010), pembahagian *Maqasid Al-Syariah* tidak disebutkan secara langsung dalam nas atau ijmak, tetapi hanya berasaskan penelitian atau kajian secara terperinci terhadap hukum hakam yang tetap disyariatkan di dalam cabang-cabang fiqh dan juga sesuai dengan fitrah dan tuntutan keperluan manusia. Justeru, berdasarkan keterangan di atas kita dapat fahami bahawa syariat Islam bertujuan untuk memberikan kebaikan dan menjauhkan keburukan daripada manusia serta menjamin kepentingan mereka. Kepentingan yang menjadi objektif syarak terbahagi kepada tiga jenis iaitu *Daruriyyat*, *Hajjiyyat* dan *Tabsiniyyat* (Alias et al., 2018).

i. Bahagian *Maqasid Al-Syariah* yang pertama ialah *Maqasid Daruriyyat*. *Maqasid Daruriyyat* ialah perkara yang sangat penting yang merupakan keperluan asas dalam kehidupan manusia sekiranya keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia itu akan menuju kehancuran. Keperluan asas yang perlu dipelihara ialah agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Alias et al., 2018).

ii. Seterusnya, *Maqasid Hajjiyyat* yang bermaksud keperluan manusia yang menjadikan kehidupan mereka berjalan lancar. Sekiranya keperluan ini tidak dipenuhi ia akan menyebabkan kehidupan seseorang itu sukar atau huru hara (Alias et al., 2018). Antara contoh perkara tersebut adalah keharusan jual beli, pinjaman, sewaan dan keringanan melakukan ibadat ketika sakit atau musafir. Secara tidak langsung perkara-perkara ini telah menyokong keperluan *maqasid daruriyyat* yang telah dinyatakan di atas.

iii. Bahagian *Maqasid Al-Syariah* yang terakhir ialah *Maqasid Tabsiniyyat*. *Maqasid* ini ialah keperluan sampingan serta pelengkap yang menjadikan kehidupan manusia itu lebih selesa dan kemas. Tanpa keperluan ini tidaklah sehingga menyusahkan kehidupan manusia akan tetapi ia akan membuatkan kehidupan manusia itu suram dan tidak ceria. Sebagai contoh, keharusan memakai pakaian yang bercorak dan keharusan menggunakan kenderaan yang mewah (Al-Najjar, 2008; Al-Shatibi, 2004).

Berdasarkan keterangan di atas jelas menunjukkan ketiga-tiga *Maqasid Al-Syariah* saling melengkapi antara satu sama lain. Maslahat *Daruriyyat* disempurnakan oleh maslahat *hajiyyat* dan *tabsiniyyat*. Namun, keperluan yang paling utama ialah maslahat *daruriyyat* kerana tanpanya maka tiadalah keperluan kepada maslahat *hajiyyat* dan *tabsiniyyat*. Selain itu, terdapat lima dasar utama *Maqasid Al-Syariah* yang mesti dijaga. Adakalanya ia juga disebut sebagai *daruriyyat al-khams* kerana dasar-dasar ini merupakan komponen penting yang terdapat dalam *Maqasid Daruriyyat*. Lima dasar tersebut ialah memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Maka, dasar yang pertama iaitu menjaga atau memelihara agama merupakan perkara utama yang paling penting untuk dijaga dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana keadaan beragama merupakan nilai terbesar insan dan menjadi pemisah nilai insaniah dengan nilai *hainaniyah* (Adam Badrulhisham, 2015). Kajian ini akan memfokuskan berkaitan dasar memelihara agama dengan lebih mendalam kerana kebebasan agama dalam perlembagaan adalah berkisar dalam masalah ini. Penulis akan mengupas dengan lebih lanjut dalam subtopik hubungan kebebasan beragama dan *Maqasid Al-Syariah*.

## **5.0 KONSEP KEBEBASAN BERAGAMA DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat tahun 2010, agama bermaksud kepercayaan kepada kewujudan Tuhan atau dewa-dewa yang telah mencipta alam sejagat dan telah memberi kepada manusia sifat kerohanian yang terus wujud selepas badannya mati. Selain itu, menurut kamus undang-undang, kebebasan beragama ialah hak untuk mengikut kepercayaan agama sebagaimana yang dipilih oleh seseorang, hak untuk menyatakan pegangan agama secara terbuka tanpa ketakutan atau halangan akan dikenakan sesuatu tindakan serta hak untuk mengisytiharkan kepercayaan melalui pemujaan dan amalan, ajaran dan sebaran.

Kebebasan beragama merupakan sifat semula jadi manusia yang juga merupakan asas yang penting dalam kehidupan sosial manusia (Jalil et al., 2014). Konsep kebebasan agama ini berbeza antara negara Islam dengan Barat. Kebebasan agama menjadi penting kepada sesebuah negara Islam kerana sistem perundangan Islam tidak pernah mewujudkan pengasingan antara undang-undang dan prinsip Islam. Berbeza dengan negara Barat, sistem liberal kebebasan beragama hanya boleh dipertahankan dengan cara memisahkan secara keseluruhan gereja dan negara (Jalil et al., 2014). Di Malaysia, seringkali terdapat polemik yang tidak berkesudahan berkaitan status negara ini sama ada negara sekular, negara Islam atau negara hibrid. Maka, memahami konsep dan status negara ini adalah penting kerana ia akan mempengaruhi amalan kebebasan beragama di Malaysia.

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia. Apa jua perkara, undang-undang atau hak mestilah selaras dan tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11 dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hak kebebasan beragama yang menetapkan tiap-tiap orang berhak, menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Perkara 11(4). Perkara 11(4) memperuntukkan bahawa undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan

agama dalam kalangan orang yang menganuti agama Islam. Peruntukan ini perlu difahami dengan teliti agar ia tidak disalahtafsir dan dipertikai oleh mana-mana kelompok masyarakat sehingga menimbulkan perbalahan antara orang Islam dan bukan Islam.

Perkara 11 ini secara umumnya menunjukkan Perlembagaan Persekutuan meletakkan hak kebebasan dalam beragama. Namun demikian, perkara ini telah menyebabkan hak ini ditafsir secara berbeza-beza. Terdapat sebahagian pihak yang mentafsir hak ini sebagai suatu hak yang mutlak manakala sebahagian lagi pihak menyatakan hak ini merupakan hak yang tidak mutlak (Ismail & Mujani, 2020). Menurut Aziz Bari (2001), terdapat pihak yang menganggap konsep kebebasan agama ini turut memberi maksud bahawa sesiapa sahaja berhak menukar agamanya pada bila-bila masa. Tanggapan ini seolah-olah menjadi satu lesen besar kepada konsep kebebasan beragama yang mutlak di Malaysia. Seterusnya, Aziz Bari (2001; 2002; 2008) mengulas lagi, berdasarkan kepada kes-kes yang telah dibicarakan dalam mahkamah syariah, beliau berpendapat penganut agama Islam di Malaysia tidak diberikan kebebasan yang mutlak dalam mengamalkan amalan kebebasan beragama meskipun perkara tersebut tidak bercanggah dengan Islam. Ini kerana, tambah beliau, konsep kebebasan beragama di Malaysia perlu dilihat dalam konteks sejarah serta budaya masyarakat Malaysia.

Selain itu, kajian lepas menyatakan dalam Islam setiap individu mempunyai hak kebebasan agama untuk mengamalkan dan beribadat berdasarkan agama yang dianutinya. Oleh itu, setiap manusia diberi kebebasan mutlak untuk memilih mana-mana agama untuk dianutinya (Mohamed Azam, 2003). Perkara ini bertepatan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Perkara 3(1) yang memperuntukkan Islam sebagai agama persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Menurut Mohamed Azam (2003) perkara ini dikuatkan lagi dalam al-Quran telah dinyatakan secara terang bahawa seseorang itu tidak boleh dipaksa untuk menganuti atau percaya sesuatu agama kecuali berlandaskan kehendaknya.

Di samping itu, terdapat kajian lepas yang berpendapat hak kebebasan beragama tidak mutlak. Menurut Nazri Muslim dan Ahmad Hidayat Buang (2012), hak kebebasan beragama ini mencakupi hak perseorangan dan hak berkumpulan serta perlu ditekankan juga hak ini menjamin semua orang tanpa mengira asal keturunan, agama dan bangsa. Walaupun begitu, teori kebebasan beragama dalam perlembagaan tidak boleh digunapakai bagi masyarakat beragama Islam khususnya berkaitan pertukaran agama kerana mereka dilindungi daripada penyebaran agama selain Islam seperti termaktub dalam Perkara 11(4). Maka, perkara ini jelas menunjukkan hak kebebasan beragama Perlembagaan Persekutuan bukanlah bersifat mutlak.

Isu kebebasan beragama di Malaysia dan peruntukan Perkara 11(4) juga hangat dibincangkan dalam kes *Menteri Dalam Negeri & Ors v Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur [2013] 6 MLJ*. Dalam kes ini, pihak gereja telah mencabar kuasa yang telah dijalankan oleh Menteri Dalam Negeri dalam melarang gereja tersebut dari menggunakan perkataan-perkataan ‘Allah’, ‘Kaabah’, ‘Solat’ dan ‘Baitullah’ dalam versi Melayu di dalam penerbitan ‘Herald — the Catholic Weekly’. Mahkamah Rayuan dalam kes ini menolak rayuan gereja atas alasan bahawa Penggunaan perkataan ‘Allah’, khususnya dalam versi Melayu Herald, tanpa keraguan, mempunyai potensi mengganggu rentak tetap masyarakat Malaysia. Penerbitan itu pasti akan mempunyai kesan yang buruk kepada kesuciannya sebagaimana yang termaktub di bawah perkara 3(1) Perlembagaan dan hak agama-agama lain diamalkan dengan aman dan damai dalam mana-mana bahagian Persekutuan. Hakim Mahkamah Rayuan juga menyatakan bahawa hak Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang, untuk memastikan perlindungan dan kesucian Islam, di bawah perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan adalah berperlembagaan. Hak berperlembagaan negeri, terutamanya yang mana terdapat Raja-Raja adalah ketua-ketua agama Islam, memperkukuhkan kedudukan

Islam dalam Persekutuan bahawa ia patut kebal daripada sebarang ancaman atau percubaan untuk melemahkan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan. Tambahan pula, mana-mana perbuatan atau percubaan penyebaran ke atas penduduk Islam dengan agama lain adalah perbuatan yang menyalahi undang-undang. Justeru, dalam kes ini, limitasi kepada kebebasan beragama dalam Perkara 11(4) telah diaplikasikan oleh Mahkamah Rayuan, dimana tindakan pihak gereja untuk menggunakan kalimah ‘Allah’ dan perkataan-perkataan yang lain jelas boleh mengelirukan umat Islam dan termasuk dalam doktrin-doktrin agama lain yang tidak boleh disebar kepada orang yang beragama Islam.

Dalam kes *ZI Publications Sdn Bhd & Anor v Kerajaan Negeri Selangor (Kerajaan Malaysia & Anor, intervensi)* [2016] 1 MLJ, Bahagian Penguatkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Selangor menyerbu pejabat pempetisyen pertama dan merampas 180 salinan buku bertajuk ‘Allah, Kebebasan dan Cinta’ (‘buku tersebut’), terjemahan Bahasa Melayu daripada buku bertajuk ‘Allah, Love and Liberty’ yang ditulis oleh penulis Kanada, Irshad Manji kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah seksyen 16 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 (‘seksyen yang dipersoalkan’). Mahkamah Persekutuan dalam kes ini telah memutuskan bahawa Dewan Undangan Negeri Selangor mempunyai hak sepertimana dalam Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan untuk menggubal undang-undang untuk menyekat penyebaran doktrin-doktrin yang berbahaya kepada pemikiran orang yang beragama Islam di Selangor. Berdasarkan kes ini, sekali lagi Mahkamah di Malaysia telah mengaplikasikan limitasi hak kebebasan beragama menurut Perkara 11(4) yang mana jelas menunjukkan hak kebebasan beragama di Malaysia ini bukanlah bersifat mutlak.

Justeru, dasar dan hak kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan telah jelas walaupun sesetengah pihak memilih kebebasan beragama atau menukar beragama itu bersifat mutlak akan tetapi hakikatnya sebarang bentuk tafsiran itu mesti dibuat mengambilkira latarbelakang sejarah dan budaya negara Malaysia. Benar jika sebahagian pihak berpendapat bahawa Perlembagaan Persekutuan membenarkan warganya menukar agama termasuk bagi penganut agama Islam, akan tetapi prosedur yang perlu dilalui dalam peringkat perundangan bagi menyelesaikan hal ini adalah suatu yang kompleks seolah-olah menunjukkan ia sebaliknya (Ismail & Mujani, 2020). Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan bahawa hak kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan adalah hak yang tidak bersifat mutlak.

## **6.0 HUBUNGAN KEBEBASAN BERAGAMA DAN MAQASID AL-SYARIAH**

*Maqasid Al-Syariah* yang tepat untuk dikaitkan dengan kebebasan agama dalam perlembagaan ialah memelihara agama atau *hifz al-din*. Memelihara agama merupakan asas *Maqasid Al-Syariah* yang paling utama terdapat dalam *daruriyyat khams* berbanding asas yang lain. Hal ini kerana dunia akan menjadi rosak apabila agama tidak diamalkan. Tanpa agama, tidak ada neraca timbangan yang betul dan adil untuk dijadikan panduan manusia (Tuan Sidek, 2021). Secara ringkasnya *daruriyyat* berkaitan agama terbahagi kepada dua jenis iaitu menjaga akidah Islam dan yang kedua untuk beribadat serta tidak melanggar perintah Allah S.W.T. Sebagai contohnya, orang yang yang murtad boleh dihukum bunuh bagi menjaga kesucian akidah Islam yang terdapat dalam memelihara agama (Badhrulhisham & Wahida Mustafar, 2015).

Untuk melihat hubungan atau perkaitan antara hak kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan dengan *Maqasid Al-Syariah*, interpretasi peruntukan Perkara 11 tersebut perlulah difahami berdasarkan landasan yang betul. Secara rangkumannya, hak kebebasan beragama yang digariskan dalam perlembagaan tidak bersifat secara penuh atau mutlak untuk orang-orang Islam

dan perkara yang berkaitan dengan mereka. Perkara 11(4) sudah pun jelas menyatakan bahawa undang-undang persekutuan atau negeri boleh digubal untuk menyekat sebarang ajaran atau pengembangannya kepada orang Islam. Jika dilihat di sini, perkara ini menyekat atau melarang mana-mana individu, Muslim atau bukan Muslim untuk mengajarkan doktrin atau agama yang tidak selari dengan Islam kepada orang Muslim.

Melalui punca kuasa yang diberikan dalam Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan tersebut, kebanyakan negeri di Malaysia telah pun menggubal undang-undang untuk menyekat penyebaran doktrin-doktrin yang bercanggah dengan Islam atau agama bukan Islam kepada orang Muslim. Antaranya Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Terengganu, 1980, Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Selangor, 1988, Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Negeri Sembilan, 1991 dan Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Johor, 1991.

Mengambil contoh dari Selangor, Seksyen 4 Enakmen tersebut memperuntukkan bahawa seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia memujuk, mempengaruhi atau menghasut seseorang yang beragama Islam supaya cenderung kepada mana-mana agama bukan Islam atau supaya menjadi penganut atau anggota mana-mana agama bukan Islam atau supaya meninggalkan atau tidak suka kepada agama Islam. Mana-mana individu yang melakukan kesalahan ini boleh didakwa di bawah seksyen ini dan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

Jadi, di manakah hubungkait Perkara 11(4) diatas dengan *Maqasid Al-Syariah*? Jika dinilai dengan teliti, prinsip maqasid yang berkaitan ialah *hifz al-din* iaitu memelihara agama. Dengan adanya sekatan yang diletakkan dalam Perkara 11(4) ini, agama Islam dapat dipelihara. Ini menjadikan cara-cara atau usaha untuk mempengaruhi orang Islam dengan agama-agama lain yang tidak selari dengan Islam dapat dihalang sekaligus dapat memelihara agama. Dalam ajaran Islam, amat penting untuk setiap orang Islam menjaga dan memelihara agamanya serta mempertahankannya. Seseorang Muslim juga tidak boleh sewenang-wenangnya mengumumkan beliau telah keluar daripada agama Islam kerana ia tertakluk kepada keputusan permohonan yang perlu dipohon di Mahkamah Syariah. Justeru, Perkara 11(4) ini mempunyai perkaitan yang jelas dengan prinsip *Maqasid Al-Syariah* iaitu *hifz al-din*.

Perbincangan tentang hubungkait kebebasan beragama dengan *Maqasid Al-Syariah* dapat dilihat dalam kes *Kaliammal Sinnasamy lwn Pengarah Jabatan Agama Islam WP [2006]1 CLJ 753*. Dalam kes ini, pemohon, iaitu isteri si mati ingin meminta deklarasi yang mengesahkan bahawa si mati merupakan seorang yang beragama Hindu dan bukannya beragama Islam. Pemohon telah membawa beberapa bukti penting seperti cara hidup si mati dan sebagainya dan ingin membuktikan bahawa si mati bukanlah seorang yang beragama Islam. Menurut Hakim Raus Sharif, memandangkan Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur telah membuat keputusan bahawa simati adalah seorang Islam, maka mahkamah sivil tidak mempunyai bidangkuasa untuk menyemak dan membatalkan perintah Mahkamah Syariah tersebut. Berdasarkan kes ini, penetapan status agama si mati iaitu kekal sebagai Muslim adalah bertepatan dengan *hifz al-din*.

Seterusnya, perbincangan tentang limitasi Perkara 11(4) berkaitan kebebasan beragama juga dapat dilihat dalam sebuah kes di Pahang. Dalam keputusan Majistret pada ada tahun 2002 di Negeri Pahang, Krishnan a/l Muthu, (Magistrate Case No. MA-83-146-2002) telah didakwa kerana melakukan kesalahan menyalahi Seksyen 4 (2) (i) Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Uagama Bukan Islam) Pahang 1989. Tertuduh telah disabitkan bersalah dan dihukum dipenjara selama 20 hari dan didenda RM1,500.00 kerana telah mencuba untuk menyebarkan ajaran agama bukan Islam kepada orang Islam. Berdasarkan kes ini, prinsip *Maqasid Al-Syariah* dan, *hifz al-din*



dapat diangkat dan agama Islam dapat dipelihara. Kesemua kesan ini adalah bertitik tolak daripada punca kuasa yang diletakkan dalam Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan.

Maka, berdasarkan huraian berserta contoh kes berkaitan hubungan kebebasan agama dengan *hifẓ al-din* di atas, penulis berpendapat peruntukan-peruntukan berkaitan kebebasan agama dalam Perlembagaan Persekutuan telah menepati prinsip *Maqasid Al-Syariah*. Walaupun peruntukan Perkara 11 seringkali ditafsirkan dengan hak kebebasan mutlak terutamanya berkaitan penukaran agama seseorang akan tetapi ianya tidak terpakai kepada penganut yang beragama Islam. Benar tiada sebarang peruntukan khas untuk menukar agama bagi penganut beragama Islam akan tetapi prosedur sukar untuk melaksanakan penukaran agama bagi penganut yang telah beragama Islam.

Selain itu, penulis juga berpendapat bahawa hak kebebasan beragama dalam Perlembagaan ini terutamanya Perkara 11(4) ini mempunyai perkaitan secara tidak langsung dengan salah satu prinsip *Maqasid Al-Syariah*, iaitu *hifẓ al-nasl* atau memelihara keturunan. Menurut prinsip maqasid ini, amat penting untuk seseorang yang beragama Islam memelihara keturunan dan nasabnya dan mengelakkan perkara-perkara atau perbuatan yang merosakkan atau mengelirukan keturunannya. Jika tiada sekatan dalam Perkara 11(4), penulis berpendapat bahawa ianya akan menjadi mudah dan banyak berlaku penyebaran agama bukan Islam dalam kalangan orang Islam. Akhirnya, ramai orang beragama Islam terutamanya yang sudah berkahwin, sesuka hati menukar agama dan boleh menyebabkan susur galur keturunan yang mengelirukan lebih-lebih lagi jika salah seorang pasangan suami isteri tersebut yang menukar agama kepada agama selain Islam. Hal ini juga boleh menimbulkan pertikaian-pertikaian seperti siapa yang lebih berhak menentukan agama kepada anak, sama ada ibu atau bapa yang berlainan agama seperti yang berlaku dalam kes-kes di Malaysia sejak dulu lagi. Oleh itu, penulis berpendapat bahawa peruntukan 11(4) Perlembagaan Persekutuan mempunyai perkaitan dengan prinsip *Maqasid Al-Syariah* iaitu memelihara keturunan.

## **7.0 KESIMPULAN**

Secara rumusannya, kajian hubungan *Maqasid Al-Syariah* dengan hak kebebasan beragama dalam Perkara 11 dapat dilihat secara langsung dan tidak langsung melalui penjelasan di atas. Hak kebebasan beragama yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan memberikan semua warganegara kebebasan untuk menganut dan mengamalkan agama yang dianuti. Namun, kebebasan ini bukanlah bersifat mutlak kepada orang Islam dan perkara yang berkaitan dengan pengembangan doktrin bukan Islam kepada orang Islam seperti dalam Perkara 11(4).

Berdasarkan Perkara 11, orang bukan Muslim tidak boleh sewenang-wenangnya mengisytiharkan pengeluarannya daripada agama Islam. Begitu juga, sesiapa pun tidak dibenarkan untuk menyebarkan doktrin-doktrin atau ajaran agama bukan Islam kepada orang Islam. Kedua-dua sekatan yang berkaitan Islam ini adalah selari dengan beberapa prinsip *Maqasid Al-Syariah* iaitu memelihara agama dan keturunan.

Dengan adanya sekatan dalam Perkara 11, prinsip pemeliharaan agama dapat ditegakkan. Agama Islam yang dianuti oleh orang Islam dapat dipelihara dan dapat mengelakkan seseorang Islam itu daripada dipengaruhi oleh agama-agama selain agama Islam. Begitu juga dengan prinsip pemeliharaan keturunan, yang mana dengan adanya sekatan ini, tidak akan berlaku dengan banyak, orang-orang Islam yang keluar daripada agama Islam dan dapat mengelakkan konflik-konflik keturunan lebih-lebih lagi isu menentukan agama anak-anak oleh ibu bapa yang berlainan agama.

Akhirnya, penulis juga ingin menekankan bahawa peruntukan hak kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan ini bukanlah acuan Barat atau pun berat sebelah kepada Barat. Akan tetapi, ianya dilihat selari dengan agama Islam terutamanya prinsip-prinsip *Maqasid Al-Syariah*

seperti yang ditekankan dalam kajian ini. Adalah diharapkan agar kajian ini sedikit sebanyak dapat membetulkan kefahaman masyarakat terhadap interpretasi peruntukan hak kebebasan beragama dalam perlembagaan.

## Acknowledgement

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia dan juga Dr. Nisar Mohammad Ahmad serta rakan-rakan yang banyak membantu dalam menyempurnakan artikel ini.

## Rujukan

- Abdul Aziz Bari. (2001). "Poligami dan Kebebasan Beragama di Bawah Perlembagaan Persekutuan". *Jurnal Syariah*, 9(2), 123-129.
- Abdul Aziz Bari. (2002). "Hak Asasi Dalam Perlembagaan Malaysia: Ruang Lingkup dan Masalahnya". *Jurnal Syariah*, 10(1), 53-70.
- Abdul Aziz Bari. (2008). *Perlembagaan Malaysia: Teori dan Praktis*. Arah Publication. Shah Alam. Selangor. Dar al-Sudaniyyah.
- Al-Fasi. A. (2007). *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah*. Tab'ah: 1. Morocco: Dar al-Gharbi al-Islami.
- Al-Ghazaliy, A. H. M. (1996). *Al-Mustasfa min 'ilm al-usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ahmad, N. (2020). *Maqasid Al-Syariah : Analisis Berdasarkan Pemikiran Sarjana Ekonomi Islam Arus Perdana Maqasid Al-Syariah : Analysis Based On Scholar Of Thought In Mainstream Islamic Economics*. 151– 158.
- Alias, M. N., Samsudin, M. A., & Omar, A. F. (2018). *Maqasid Syariah Sebagai Sandaran Hukum Menurut Mazhab*. October.
- Al-Qaradawiy, Y. (2012). *Dirasah fi fiqh maqasid al-kulliyah wa al-nusus al-juz'iyah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Raysuniy, A. (1995). *Naẓariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam al-Syatibiy*. Riyad: Dar al-'alamiyyat li al-Kitab al-Islamiy
- Al-Shāṭibī, I. I. M. al-L. (2004). *al-Muwāfaqāt Fī Uṣūl al-Sharī'ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ashur, M.T. (2001). *Maqasid ash-Shari'ah al-Islamiyyah*. Damaskus: Dar al kolam
- Badran, Abu al-'Aynayn Badran. (t.t.). *Al-Syariah al-Islamiyyah*. Iskandariyyah : Muassasah Syabab al-Jami'ah.
- Badrulhisham A, Wahida Mustafar F. (2015). "Maqasid Syar'iyah Dalam Undang-undang Kebebasan Beragama Di Malaysia".
- Curzon, (2006). *Dictionary of Law*. Sixth Edition. Selangor: ILBS.
- Ibn ʿĀshūr, M. Ṭāhir. (2001). *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. (M. al-Ṭāhir Al-Maysāwī, Ed.) (Ed. ke-2). Amman: Dār al-Nafā'is.
- Ismail, A. M., & Mujani, W. K. (2020). *Had Kebebasan Bersuara dalam Hak Kebebasan Beragama di Malaysia Limits of Expression in Religious Freedom Rights in Malaysia*. 7, 176–192.
- Jalil, F., Undang-undang, K., Antarabangsa, P., & Aman, K. D. (2014). *Kebebasan Beragama : Gambaran Malaysia ( The Practise on Freedom of Religion in Malaysia ) diiktiraf oleh Malaysia kepada setiap warganegara di bawah Perlembagaan hak kebebasan beragama antaranya melalui instrumen antarabangsa seperti Perisytiharan Sejaga*. 220–235.
- Mahaiyadin, M. H. (2017). *Hubungan Maqasid Syariah Dan*. 1(November), 23–38.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2003). "Hak Tukar Agama Dalam Perlembagaan Malaysia:Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukum Islam". *Jurnal Syariah*, 11(1), 23-26.

Talib, I. B. I. N. (2010). *Maq As Id Sbar I ' Ab Dalam Belanjawan Negara : Kajian Antara Tahun 2007-2010*.

Tuan Sidek Tuan Muda. (2021). *Panduan Memahami Maqasid Syariah*. 19. Universiti Malaysia Pahang.